

05/12/1999

PM teliti Adun keluar Gerakan

LANGKAWI: Perdana Menteri akan mengkaji secara teliti tindakan dua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) keluar daripada Gerakan.

Bagaimanapun, katanya, menjadi dasar BN untuk tidak menggalakkan sebarang tindakan yang merugikan dan melemahkan Barisan Nasional.

Dua Adun itu ialah Lim Boo Chang (Datuk Keramat) dan Lim Chien Aun (Bayan Lepas). Kedua-duanya keluar daripada parti itu selepas tiga hari menang pilihan raya umum dan dipercayai dipengaruhi pihak tertentu atau 'broker kuasa' yang mempunyai agenda di Pulau Pinang.

Dr Mahathir bagaimanapun enggan mengulas kenyataan Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik semalam bahawa tindakan dua Adun itu sebagai percubaan kumpulan tertentu menghalang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon daripada dipilih sebagai Ketua Menteri.

Bercakap kepada pemberita di Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 1999 (Lima 99), di sini semalam, beliau mengesahkan sudah menyerahkan surat pelantikan kepada Dr Koh.

Tetapi, beliau tidak pasti sama ada Dr Koh sudah memaklukkannya kepada Yang Dipertua Negeri Tun Hamdan Sheikh Tahir.

Mengenai pembentukan Kabinet, Dr Mahathir berkata ia akan dilakukan seberapa segera dan mungkin mengambil masa lima hingga 10 hari.

Sementara itu di Pulau Pinang, lebih 2,000 penyokong parti komponen BN memberi sambutan kepada Dr Koh yang dilantik semula sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang.

Ketibaan Koh di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas pada jam 7.20 malam bersama Dr Lim disambut dengan tepukan gemuruh dan sorakan 'Penang Boleh', 'Koh Tsu Koon Boleh' oleh penyokong yang mula berkumpul di ruang menunggu lapangan terbang itu mulai 6 petang semalam.

Koh yang dijulung ke pentas melahirkan ucapan terima kasih kepada rakyat Pulau Pinang yang memberikan kesempatan meneruskan usaha membangunkan negeri.

(END)